

Utamakan kecekapan pengurusan Usah ulangi kegagalan: PM

Oleh MUTAZAR ABDUL GHANI

SUBANG, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan bahawa kecekapan pengurusan mestilah diberikan perhatian serius bagi memastikan kegagalan projek industri berat seperti yang pernah dialami oleh Perwaja tidak berulang.

Bellau berkata, keputusan kerajaan menggerakkan perindustrian berat adalah tepat tetapi ia telah tersilap jangka akan kemampuan pengurusan mengendalikan projek-projek yang memerlukan modal besar dan canggih itu.

"Sama ada sesuatu projek itu akan diswastakan atau tidak, kerajaan sedar bahawa keupayaan pihak pengurusan adalah perkara yang perlu diutamakan untuk mengelakkan kemungkinan kegagalan masa lalu berulang.

"Kesilapan itu adalah pengajaran yang berfaedah," kata bellau ketika berucap di majlis menandatangani perjanjian di antara Perwaja Steel Sdn Bhd dan Konsortium Man-JHH-HYL Ferrostaal bagi pembinaan loji pengeluaran langsung di Kuala Lumpur malam ini.

Perdana Menteri berkata sebelum ini, banyak pihak menentang keputusan kerajaan untuk menceburi industri berat tetapi ternyata sekali keputusan kerajaan memang tepat.

"Selain Perwaja, industri kereta, loji simen, loji saduran timah, loji enjin motosikal dan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HiCom), terbukti menguntungkan. Malah, Perwaja sudah

mencatatkan keuntungan yang pertama," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Bellau berkata seperti industri lain, Perwaja turut menanggung kerugian ketika ekonomi negara meleset sebelum ini dan masalah kewangan yang dihadapi bertambah serius disebabkan kenaikan nilai yen berbanding ringgit.

Katanya, ini menyebabkan jumlah beban hutangnya berganda manakala loji pengeluaran langsungnya menemui kegagalan.

Bellau berkata, Perwaja mengambil tindakan yang tegas untuk menjimatkan kos dan meningkatkan pengeluaran, khususnya selepas Tan Sri Eric Chia mengambil alih serta menyusun semula pengurusan dan falsafah syarikat itu.

"Hasilnya ialah pemulihan ketara yang mengembalikan semula keyakinan terhadap Perwaja," kata bellau.

Kini, walaupun usia Perwaja masih "muda", pencapaiannya adalah setanding dengan syarikat terkemuka di dunia.

Katanya pakej pembiayaan \$800 juta yang diterima oleh Perwaja daripada konsortium bank tanpa jaminan kerajaan, untuk membiayai program pembesarannya, membuktikan kepercayaan terhadap potensi Perwaja ini.

Loji Perwaja yang dipertingkatkan keupayaannya melalui pembinaan loji pengurangan langsung, akan menggandakan keupayaan asal syarikat itu selaras dengan fasa pertama pembesaran Perwaja.

Perdana Menteri berkata apabila loji itu beroperasi sepenuhnya, keupayaan pengeluaran Perwaja akan meningkat kepada 1.2 juta tan metrik *sponge iron* setahun.

Bellau yakin Malaysia akan menjadi destinasi menarik untuk mempelbagaikan kegiatan kepada industri hiliran dengan adanya bekalan besi bermutu, infrastruktur, insentif pelaburan dan kestabilan politik.